

JABATAN KORPORAT
TARIKH: 20.02.2025 MASA: 6.00PM
MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI
MERANGKAP PENASIHAT PUSPANITA MBSP**

SEMPENA

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
KALI KE-26 TAHUN 2025**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**26 FEBRUARI 2025 (RABU)
9.00 PAGI**

**AUDITORIUM, MENARA BANDARAYA
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berbahagia Datin Faziah binti Johari

Pengerusi PUSPANITA Cawangan Negeri Pulau Pinang

Yang Berbahagia Datin Noraishah binti Hashim

Pengerusi PUSPANITA Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Maziana Binti Mohd Mokhtar

Timbalan Pengerusi PUSPANITA Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Siti Haslinda binti Hasan

Pengarah Khidmat Pengurusan

Merangkap Naib Pengerusi I, PUSPANITA MBSP

Ketua-Ketua Jabatan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Barisan Ahli Jawatankuasa Induk PUSPANITA MBSP Sesi 2023-2025

Ahli-Ahli PUSPANITA MBSP

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi puji dan syukur kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun pada hari ini bagi menyempurnakan Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA MBSP Kali Ke-26 Tahun 2025. Sesungguhnya, pertemuan ini bukan sekadar melaksanakan tuntutan organisasi, tetapi lebih daripada itu, ia adalah ruang untuk kita memperkuatkan ukhuwah dan menilai kembali pencapaian serta perancangan persatuan.
2. Terlebih dahulu, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia Datin Hjh. Faziah binti Johari, Pengurus PUSPANITA Negeri Pulau Pinang yang sudi meluangkan masa untuk bersama-sama kita pada hari ini. Kehadiran Yang Berbahagia Datin amat bermakna dan menjadi pemangkin semangat kepada seluruh ahli PUSPANITA MBSP.
3. Tidak lupa juga, ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia Datin Noraishah binti Hashim, Pengurus PUSPANITA MBSP yang sentiasa komited dalam menggerakkan persatuan ini ke arah yang lebih maju dan dinamik. Jasa dan sumbangan beliau serta

seluruh barisan jawatankuasa amat dihargai dalam memperkasakan PUSPANITA MBSP sebagai sebuah organisasi yang memberi manfaat kepada ahlinya.

4. Saya selaku penasihat PUSPANITA MBSP mewakili seluruh jawatankuasa PUSPANITA MBSP, ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA MBSP Kali Ke-26 ini. Sesungguhnya, kejayaan sesebuah organisasi bukan hanya bergantung kepada kepimpinan semata-mata, tetapi juga kepada kesepaduan dan komitmen semua ahli dalam menjayakan visi dan misi persatuan.
5. Seperti mana yang kita sedia maklum, mesyuarat pada hari ini juga merangkumi pemilihan Ahli Jawatankuasa PUSPANITA MBSP bagi sesi 2025-2027. Dengan ini, jawatankuasa yang telah berkhidmat sepanjang sesi 2023-2025 akan menamatkan perkhidmatan mereka secara rasmi hari ini. Saya ingin merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada mereka atas segala jasa, usaha, dan pengorbanan dalam memperkuuhkan PUSPANITA MBSP sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.
6. Kepada barisan kepimpinan baharu yang bakal dilantik, saya menyeru agar memikul tanggungjawab ini dengan penuh dedikasi dan amanah. Kepimpinan yang berwibawa hanya akan mencapai kejayaan sekiranya mendapat sokongan padu daripada seluruh ahli. Justeru, kepada semua ahli PUSPANITA MBSP, marilah kita bersama-sama

memberikan sokongan penuh kepada jawatankuasa baharu agar persatuan ini terus maju dan berkembang.

7. Saya juga dimaklumkan bahawa keahlian PUSPANITA MBSP kini telah mencapai seramai 721 orang, merangkumi 137 orang ahli kategori Suri dan 27 orang pesara aktif. Walaupun jumlah ini adalah satu jumlah yang tinggi jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelum ini, saya percaya bahawa masih terdapat ruang untuk peningkatan, memandangkan jumlah kakitangan di MBSP adalah seramai 3,949 orang. Oleh itu, saya menyeru agar usaha ke arah mempergiatkan promosi keahlian dan aktiviti persatuan terus diperkasakan supaya lebih ramai ahli dapat menyertai dan menikmati manfaat yang ditawarkan oleh PUSPANITA MBSP.
8. Dalam era yang semakin mencabar ini, wanita memainkan peranan penting bukan sahaja dalam institusi keluarga tetapi juga dalam pembangunan organisasi dan masyarakat. Justeru, saya menyeru kepada semua ahli agar sentiasa bersikap proaktif dalam menimba ilmu, memperluaskan pengetahuan, menggilap bakat serta meningkatkan daya kepimpinan masing-masing. Ini selari dengan usaha PUSPANITA MBSP yang telah menganjurkan pelbagai program bersifat ilmiah, kerohanian, kebajikan, kekeluargaan, kesihatan dan keusahawanan yang sangat bermanfaat kepada ahli-ahlinya.

9. Semoga semangat perpaduan, kekitaan dan hubungan persahabatan yang terjalin dalam PUSPANITA MBSP terus diperkuuhkan serta diterjemahkan dalam setiap aktiviti dan gerak kerja organisasi ini.
10. Saya ingin mengakhiri ucapan ini dengan dua (2) rangkap pantun:

Suburnya sayur di tapak semaian

Syukur petani senyum ceria

Lembut tangan menghayun buaian

Punya kuasa menggoncang dunia

Sarang burung dicari di gua

Ternampak pula anak beruang

Kepada ahli PUSPANITA MBSP semua

Saya ucapkan Selamat Bersidang

11. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmanirrahim***, sukacitanya saya merasmikan **Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA MBSP Kali Ke-26 Tahun 2025.**

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***